

Terputus hubungan dua jam

KOTA SAMARAHAN: Hujan lebat selama sembilan jam sejak kelmarin menyebabkan lebih 20,000 penduduk sekitar Asajaya, di sini, terputus hubungan kira-kira dua jam selepas beberapa jalan dinaiki air sedalam satu meter.

Banjir menyebabkan laluan di beberapa kawasan di daerah itu tidak boleh dilalui kenderaan ringan sebelum kembali pulih sepenuhnya kira-kira jam 10 pagi, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sarawak berkata, jalan dinaiki air memabitkan Kampung Jemukan, Jalan Mata Parang dan Simpang Pengkalan Feri Samarahan.

Katanya, berikutan itu, jalan itu tidak boleh dilalui kenderaan ringan menyebabkan beberapa kenderaan yang dalam



FOTO | Azahan Rosli

CABARAN...murid Sekolah Kebangsaan Sampun, Asa Jaya terpaksa meredah banjir selepas kawasan itu ditenggelami air.

perjalanan ke Samarahan dan Kuching terkandas.

"Pemantauan dilakukan sejak jam 8.45 pagi ini (semalam) mendapati hanya kenderaan berat boleh menggunakan jalan

itu. Pengguna terpaksa menunggu sehingga air surut sebelum meneruskan perjalanan beberapa jam kemudian," katanya.

Beliau berkata, beberapa kawasan penempatan

penduduk turut dinaiki air iaitu Kampung Seme-
ra, Jemukan Ulu, Terasi, Renggawan dan Sadong Jaya.

"Bagaimanapun, hasil pemantauan mendapati

banjir yang berlaku tidak menjejaskan kediaman penduduk di kawasan rendah di Asajaya," katanya.

Hujan lebat berlaku hampir di semua kawasan di Kuching dan Samarahan bermula jam 8.30 malam dan berterusan hingga 4.30 pagi semalam.

Kawasan Asajaya dan Sadong Jaya sebelum ini pernah dilanda banjir hingga memaksa lebih 6,000 penduduk dipindahkan.

Banjir gelombang kedua kembali melanda pada 5 Januari lalu dan setakat ini, ia meragut dua nyawa memabitkan seorang pelajar perempuan tingkatan enam yang tergelincir dalam longkang dan seorang pekerja stesen minyak yang cuba menyelamatkan mangsa sebelum kedua-duanya dihanyutkan arus deras.